

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)
TARIKH : 25.3.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 74

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah syarikat yang diberi kebenaran untuk berdagang dengan Israel dan jumlah eksport ke dan import dari Israel sejak tahun 1995

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tidak mempunyai hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendalikan oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) mereka. Ia merupakan amalan perniagaan antarabangsa yang berada di luar kawalan Kerajaan.

Dasar Luar Negara adalah tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Negara Israel. Di samping itu, dari segi perdagangan import dan eksport barangan daripada Israel adalah dilarang di bawah Akta Kastam 1967 (Larangan Import dan Eksport) Pindaan 2008. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 20 Mac 1996 bersetuju ke atas kelonggaran kawalan import dan eksport Malaysia dan Israel, di mana dari segi pelaksanaannya, semua import dan eksport barang dari Israel tertakluk kepada kelulusan lesen import dan lesen eksport demi memastikan rangkaian bekalan antarabangsa ini tidak terjejas.

Selain dari menghormati amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain yang berlaku adalah

juga untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan ke wilayah Gaza hanya boleh dibawa masuk melalui Pelabuhan Ashdod di wilayah Israel memandangkan Palestin adalah sebuah negara *landlocked* dengan izin, kerana satu-satunya pelabuhan di wilayah Palestin dan Gaza masih disekat secara *unilateral* dengan izin, oleh Israel. Kesemua pintu masuk ke Palestin adalah dikawal oleh pihak berkuasa sempadan Israel kecuali di sempadan Mesir – Semenanjung Gaza. Walau bagaimanapun, hanya urusan bantuan kemanusiaan, ubat-ubatan dan makanan boleh disalurkan ke Palestin melalui *Rafah Border Crossing* dengan izin, seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Mesir.